



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 1 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENGAUDITAN KESELAMATAN
DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT**

**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
2021**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Sektor Swasta Berkaitan

Rujukan: JUPEM.BDPP.100-1/6/1 (42)

Tarikh: 01 Oktober 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Sektor Swasta Berkaitan

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 1 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENGAUDITAN KESELAMATAN
DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pasukan Audit Keselamatan Data Geospasial Terperingkat dalam menjalankan aktiviti pengauditan data geospasial terperingkat bagi memastikan tadbir urus dalam pengurusan keselamatan data geospasial seperti penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan selaras dengan akta dan pekeliling yang berkuat kuasa.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerancangan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada data geospasial yang berkejituan tinggi, tepat, kemas kini dan mudah dicapai. Ini membolehkan sebarang perancangan, pelaksanaan dan pengawasan pembangunan dilakukan dengan lebih berkesan dan penggunaan data geospasial yang optimum akan memberikan kesan kepada penjimatan masa dan kos operasi secara efisien.

- 2.2 Selari dengan perkembangan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) permintaan terhadap data geospasial kini dilihat semakin meningkat di kalangan agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta bagi menyokong pembangunan aplikasi-aplikasi memenuhi keperluan semasa. Oleh itu, penyebaran data geospasial yang dikategorikan sebagai SULIT dan TERHAD perlu dikawal selia demi keselamatan Negara supaya tidak dimiliki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab.
- 2.3 Justeru itu, bagi memastikan integriti dan keselamatan data geospasial terperingkat lebih terpelihara dan terkawal, menerusi Mesyuarat Ke-71 Jawatankuasa Pemetaan Data Spatial Negara (JPDSN) Bil. 1/2020 pada 5 - 6 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Pemetaan Negara telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Audit Keselamatan Data Geospasial (JAKG). Penubuhan Jawatankuasa ini adalah selari dengan Pekeliling Am Bil. 1/2007 – Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat. Jawatankuasa ini akan berperanan dan bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti pengauditan fizikal ke atas pengurusan data geospasial melibatkan pelbagai agensi, badan berkanun dan sektor swasta.
- 2.4 Selaras penubuhan Jawatankuasa ini, satu pasukan audit akan dibentuk bagi membantu JAKG yang berperanan bagi menjalankan pengauditan fizikal ke atas penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta.
- 2.5 Seterusnya, JAKG selaku penyelaras audit keselamatan data geospasial akan membentangkan hasil pengauditan dan penemuan yang telah dijalankan kepada JPDSN untuk mendapatkan pandangan, nasihat serta syor-syor tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan bagi

meningkatkan prestasi tadbir urus data geospasial terperingkat yang cemerlang.

3. FORMAT DAN KANDUNGAN

- 3.1 Pekeliling ini digubal bagi mewujudkan peraturan-peraturan berkaitan proses menjalankan pengauditan fizikal ke atas penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta.
- 3.2 Dokumen ini telah dibentuk mengikut ciri-ciri dokumen perundangan untuk dijadikan rujukan bagi pengauditan fizikal terhadap data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya telah dirangka supaya dapat memenuhi keperluan semasa dan akan dapat terus kekal relevan dalam jangka masa yang lebih panjang.

4. PUNCA KUASA

Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Am Bil. 1/2007. Ianya diguna pakai bagi kerja pengauditan fizikal terhadap data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta oleh pasukan audit yang dilantik oleh Pengarah Pemetaan Negara. Dalam Pekeliling ini juga, Pengarah Pemetaan Negara bertanggungjawab memastikan data geospasial terperingkat disimpan dan diselenggara dengan baik oleh agensi dan pengguna.

5. POLISI, PERATURAN DAN STANDARD PIAWAIAN YANG DIGUNA PAKAI

Pengauditan yang akan dijalankan oleh pasukan audit yang dilantik oleh JAKG adalah berpandukan kepada kriteria undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan:-

- i) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- ii) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709];
- iii) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [Akta 298]; dan
- iv) Pekeliling Am Bil. 1/2007 – Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

6. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)

Agensi yang terlibat berkaitan aktiviti pengauditan fizikal terhadap data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT).

7. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini akan diguna pakai bersekali dengan akta dan pekeliing berkaitan yang sedia ada seperti mana yang telah dinyatakan pada para 5.

8. TARIKH BERKUATKUASA


Pemakaian pekeliing ini hendaklah dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,




(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

Merangkap Pengarah Pemetaan Negara



GARIS PANDUAN PENGAUDITAN KESELAMATAN DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT

**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA
2021**

GARIS PANDUAN PENGAUDITAN KESELAMATAN DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pasukan Audit Keselamatan Data Geospasial Terperingkat dalam menjalankan aktiviti pengauditan data geospasial terperingkat bagi memastikan tadbir urus dalam pengurusan keselamatan data geospasial seperti penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan selaras dengan akta dan pekeliling yang berkuat kuasa.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerancangan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada data geospasial yang berkejituan tinggi, tepat, kemas kini dan mudah dicapai. Ini membolehkan sebarang perancangan, pelaksanaan dan pengawasan pembangunan dilakukan dengan lebih berkesan dan penggunaan data geospasial yang optimum akan memberikan kesan kepada penjimatan masa dan kos operasi secara efisien.

2.2 Selari dengan perkembangan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) permintaan terhadap data geospasial kini dilihat semakin meningkat di kalangan agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta bagi menyokong pembangunan aplikasi-aplikasi memenuhi keperluan semasa. Oleh itu, penyebaran data geospasial yang dikategorikan sebagai SULIT dan TERHAD perlu dikawal selia demi keselamatan Negara supaya tidak dimiliki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab.

- 2.3 Justeru itu, bagi memastikan integriti dan keselamatan data geospasial terperingkat lebih terpelihara dan terkawal, menerusi Mesyuarat Ke-71 Jawatankuasa Pemetaan Data Spatial Negara (JPDSN) Bil. 1/2020 pada 5 - 6 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Pemetaan Negara telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Audit Keselamatan Data Geospasial (JAKG). Penubuhan Jawatankuasa ini adalah selari dengan Pekeliling Am Bil. 1/2007 – Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat. Jawatankuasa ini akan berperanan dan bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti pengauditan fizikal ke atas pengurusan data geospasial melibatkan pelbagai agensi, badan berkanun dan sektor swasta.
- 2.4 Selaras penubuhan Jawatankuasa ini, satu pasukan audit akan dibentuk bagi membantu JAKG yang berperanan bagi menjalankan pengauditan fizikal ke atas penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan data geospasial terperingkat di premis pemegang data yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta.
- 2.5 Seterusnya, JAKG selaku Penyelaras Audit Keselamatan Data Geospasial Terperingkat akan membentangkan hasil pengauditan dan penemuan yang telah dijalankan kepada JPDSN untuk mendapatkan pandangan, nasihat serta syor-syor tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi tadbir urus data geospasial terperingkat yang cemerlang.

3. OBJEKTIF JAKG

- 3.1 Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan auditan berteraskan kepada Pekeliling Am Bil. 1/2007 supaya diberikan akses yang sesuai dalam pelaksanaan tugasnya sebagai mana aku janji dalam Borang PPNM-1 (Pind.1/2008), Borang PPN 130 (Pind. 1/2021) dan Borang PPN 114;

- 3.2 Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan Audit Keselamatan Data Geospasial bagi membantu organisasi memenuhi matlamat tadbir urus keselamatan data yang baik melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. JAKG juga adalah platform untuk menilai dan menentukan keberkesanan kawal selia ke atas kaedah penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan data geospasial terperingkat dan keselamatan data geospasial; dan
- 3.3 Memastikan pihak pengurusan terbabit boleh mengambil tindakan susulan terhadap isu yang dibangkitkan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Ini termasuk juga mengkaji borang-borang permohonan data/Dokumen Geospasial Terperingkat yang sedia ada.

4. KEAHLIAN JAKG

4.1 Keahlian JAKG hendaklah terdiri daripada:-

- i) Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan (BDPP), JUPEM – Pengerusi;
- ii) Seksyen Dasar Pemetaan, BDPP, JUPEM – Setiausaha/Urus Setia;
- iii) Seksyen Rundingan dan Keselamatan, Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP), JUPEM;
- iv) Seksyen Inovasi dan Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Korporat, JUPEM;
- v) Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- vi) Cawangan Khas, Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- vii) Bahagian Penerimaan dan Pengedaran Data, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA);
- viii) Cawangan Pengurusan Maklumat, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);

- ix) Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); dan
- x) Wakil dari Jabatan Kerajaan lain jika perlu (pembekal/pengeluar data geospasial)

5. FUNGSI JAKG

- 5.1 Fungsi Jawatankuasa ini adalah sebagai penyelaras pengauditan fizikal ke atas pengurusan data geospasial yang melibatkan aktiviti penyimpanan, penggunaan, penyebaran dan pelupusan serta tahap keselamatan data geospasial terperingkat di premis pemegang data sepertimana Terma Rujukan JAKG.
- 5.2 JAKG hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun bagi membentangkan laporan hasil pengauditan dan penemuan yang telah dijalankan kepada JPDSN.

6. TERMA RUJUKAN JAKG

- 6.1 Memastikan aktiviti pemantauan data geospasial terperingkat yang dikategorikan SULIT dan TERHAD dijalankan melalui pelaksanaan audit keselamatan data geospasial mengikut akta dan pekeliling yang ditetapkan;
- 6.2 Menentukan tatacara untuk kawal selia tahap keselamatan fizikal terhadap pengambilan citraan, perolehan data geodesi, pengawalan fizikal dan penyelenggaraan Dokumen Geospasial Terperingkat berikutan permohonan yang dibuat oleh pengguna tertakluk kepada peruntukan di Bahagian II dan Bahagian III, – Pekeliling Am Bil. 1/2007;
- 6.3 Memastikan orang perseorangan, pihak agensi kerajaan, badan berkanun dan swasta tidak menghalang pasukan audit melaksanakan pemantauan audit data geospasial terperingkat sebagai mana aku janji

dalam Borang PPNM-1 (Pind.1/2008), Borang PPN 130 (Pind. 1/2021) dan Borang PPN 114;

- 6.4 Memastikan dan memilih ahli Pasukan Audit Keselamatan Geospatial Terperingkat terdiri daripada juruaudit yang kompeten untuk dilantik oleh Pengarah Pemetaan Negara;
- 6.5 Meneliti cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan pelaksanaan audit bagi meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti pasukan audit;
- 6.6 Sekiranya terdapat penemuan aktiviti pemilikan atau penyebaran data geospatial tanpa kebenaran, JAKG akan memberi peringatan secara bersurat kepada pemilik data berkenaan atau/dan mengesyorkan tindakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) atau tindakan tatatertib mengikut Bab D Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993; dan
- 6.7 Meneliti laporan yang disediakan oleh pasukan audit bagi memastikan semua isu-isu yang dilaporkan akan diselesaikan dengan teratur. Antara perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:-
 - i) Pelaporan audit keselamatan yang telah dijalankan
 - ii) Pelaporan keberkesanan pelaksanaan audit beserta cadangan penambahbaikan; dan
 - iii) Memperakui laporan dan seterusnya laporan dikemukakan kepada JPDSN.

7. PELAKSANAAN AUDIT KESELAMATAN DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT

7.1 Pasukan Audit Keselamatan Data Geospacial

Bagi memastikan proses semakan dan pengauditan keselamatan data geospacial ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, JAKG akan memilih minima tiga (3) orang ahli pasukan audit daripada senarai di bawah:-

- i) Pengarah Seksyen Rundingan dan Keselamatan, BGSP, JUPEM - Ketua;
- ii) Wakil Bahagian Perancangan dan Korporat (BPK), JUPEM;
- iii) Wakil Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- iv) Wakil Bahagian Pangkalan Data Geospacial Negara (BPDGN), JUPEM;
- v) Wakil Agensi Angkasa Malaysia (MYSA);
- vi) Wakil Wakil Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
- vii) Wakil Jabatan Pertanian Malaysia (DOA);
- viii) Wakil Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- ix) Wakil dari Institut Pengajian Tinggi;
- x) Wakil Suruhanjaya Air dan Lain-Lain; dan
- xi) Wakil Jabatan lain jika perlu.

7.2 Fungsi Pasukan Audit Keselamatan Data Geospacial

7.2.1 Fungsi pasukan audit ditetapkan secara pentadbiran dan kuasa yang tertakluk kepada aku janji yang dibuat pada Borang PPNM-1 (Pind. 1/2008), Borang PPN 130 (Pind. 1/2021) dan Borang PPN 114 berdasarkan kelulusan yang ditetapkan oleh JAKG.

7.2.2 Pemilihan juruaudit, tempat dan masa akan ditentukan oleh JAKG dan auditan akan dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

7.3 **Tanggungjawab dan Bidang Tugas Pasukan Audit Keselamatan Data Geospasial**

Tanggungjawab pasukan audit adalah untuk menjalankan audit yang termaktub di dalam Pekeliling Am Bil. 1/2007 merangkumi perkara-perkara berikut:-

- i) Mendapatkan maklumat Rekod Pemohonan Data Geospasial Terperingkat daripada agensi pembekal/pengeluar data geospasial seperti di bawah:-
 - a. Nama Pemohon;
 - b. No. Kad Pengenalan;
 - c. Alamat Pemohon;
 - d. No. Telefon;
 - e. Email; dan
 - f. Senarai Data Geospasial yang dipohon.
- ii) Menjalankan pemeriksaan ke atas pemohon data geospasial untuk memastikan pematuhan oleh pemohon tertakluk kepada Bahagian III - Pengawasan Fizikal dan Penyelenggaraan Dokumen Geospasial Terperingkat;
- iii) Memastikan tiada agensi, badan berkanun, pihak swasta dan orang awam yang boleh menukar, mengubah, mengubah suai atau meminda apa-apa kandungan data geospasial yang dinyatakan dalam Bahagian III (21) (i) tanpa kebenaran atau keizinan Pengarah Pemetaan Negara;

- iv) Memastikan setiap pemohon data geospasial terperingkat mengemukakan laporan sekali setahun berkenaan dengan pematuhan penyimpanan dan pengendalian dokumen geospasial;
- v) Melaporkan kepada JAKG hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan yang diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
- vi) Menyediakan laporan audit untuk kelulusan JAKG dan membentangkan kepada JPDSN; dan
- vii) Memastikan penerbitan semula yang mempunyai hasil dari penggunaan data TERHAD dan SULIT perlu mendapatkan kelulusan dari JAKG.

8. RANGKA KERJA JAKG

Komponen / Tadbir Urus	Tanggungjawab	Hubungan
JAKG	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak sebagai Penyelaras Audit Keselamatan Data Geospasial; • Menjadi pusat rujukan/khidmat nasihat audit keselamatan data geospasial; • Platform perbincangan perkara dan isu berkaitan keselamatan data; dan • Perancangan dan hala tuju pengurusan dan keselamatan data geospasial. 	JPDSN
Pasukan Audit Keselamatan Data Geospasial	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak sebagai Pelaksana Audit Keselamatan Data Geospasial; • Pemantauan pematuhan Pekeliling Am Bil. 1/2007, Borang PPNM-1 (Pind.1/2008), Borang PPN 130 (Pind. 1/2021) dan Borang PPN 114; 	JAKG
Custodian / Pengguna	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi tahap keselamatan data sebagai mana dinyatakan dalam Pekeliling Am Bil. 1/2007, Borang PPNM-1 (Pind.1/2008), Borang PPN 130 (Pind. 1/2021) dan Borang PPN 114; • Memastikan kaedah pengurusan data geospasial yang melibatkan aktiviti simpanan dan pelupusan data geospasial. 	<ul style="list-style-type: none"> • JPDSN • JAKG

9. TATACARA PELAKSANAAN AUDIT KESELAMATAN DATA GEOSPATIAL

9.1 Sebagai panduan kepada pasukan audit dalam melaksanakan tugas mereka dengan lebih lancar akan melibatkan empat (4) skop pengauditan mengikut langkah-langkah yang perlu diambil perhatian bagi kelancaran pelaksanaan pengauditan mengikut pematuhan terhadap Pekeliling Am Bil. 1/2007 adalah seperti berikut:-

- i) Perolehan Dokumen Geospasial Terperingkat;
- ii) Penyimpanan Dokumen Geospasial Terperingkat;
- iii) Keselamatan Dokumen Geospasial Terperingkat; dan
- iv) Pelupusan Rekod;

9.2 JAKG akan membuat pemilihan sama ada agensi kerajaan, badan berkanun atau sektor swasta untuk dilaksanakan audit dengan merujuk kepada Rekod Permohonan Data Geospasial Terperingkat dan kelulusan Dokumen Geospasial Terperingkat.

9.3 Pelantikan pasukan audit oleh Pengarah Pemetaan Negara dengan minima ahli seramai tiga (3) orang yang diketuai oleh Pengarah Seksyen Rundingan dan Keselamatan, BGSP sebagaimana di **para 7.1**

9.4 Ketua Pasukan Audit akan mengadakan taklimat kepada pasukan audit yang dilantik.

9.5 Pasukan Audit akan menghantar surat kepada sama ada agensi kerajaan, badan berkanun atau sektor swasta yang dipilih untuk dilaksanakan audit data geospasial terperingkat dengan menyatakan skop audit yang akan dijalankan serta dibekalkan jadual pelaksanaan audit.

- 9.6 Pasukan Audit akan mengadakan mesyuarat pembukaan dengan sama ada agensi kerajaan, badan berkanun atau sektor swasta yang telah dipilih.
- 9.7 Pasukan Audit memulakan audit keselamatan data geospasial.
- 9.8 Mesyuarat penutup akan diadakan setelah selesai tugas audit dan penemuan audit akan dibentangkan oleh Ketua Pasukan Audit.
- 9.9 Laporan hasil audit akan disediakan oleh Pasukan Audit Keselamatan Data Terperingkat. Jika hasil laporan mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap Pekeliling Am Bil. 1/2007, JAKG akan melaporkan kepada CGSO selaku agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan Dokumen Geospasial Terperingkat di Malaysia.
- 9.10 CGSO akan melaporkan kepada pihak PDRM sebagaimana **para 24**, Pekeliling Am Bil. 1/2007 untuk tindakan susulan.
- 9.11 Hasil laporan keseluruhan, JAKG akan membentangkan laporan tersebut kepada JPDSN.
- 9.12 Carta Alir Tatacara Perlaksanaan Audit Keselamatan Data Geospasial Terperingkat adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

CARTA ALIR TATACARA PELAKSANAAN AUDIT KESELAMATAN DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT

